# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## KHAMIS 28 NOVEMBER 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | AGRICULTURE MINISTER SOBS AS HE URGES FOR SUPPORT FROM FARMERS, NEWS, GUANG MING DAILY -A8 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 2. | AGRICULTURE MINISTER URGES ALL FARMERS FOR SUPPORT, NATION, SIN CHEW DAILY -21 | |
| 3. | 'LET'S MAKE AGRICULTURE SEXY', CORPORATE MALAYSIA, THE MALAYSIAN RESERVE -6 | |
| 4. | SALAHUDDIN: GOVT TO STOP EXPORT OF SEAFOOD PRODUCTS, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A4 | |
| 5. | EXPLORING INTO POULTRY RELATED PRODUCTS, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A11 | |
| 6. | MINISTER ASSURES SUFFICIENT SUPPLY OF FOOD THIS MONSOON SEASON, NATION, THE STAR -2 | |
| 7. | KEMENTERIAN HADKAN EKSPORT IKAN, NASIONAL, BERITA HARIAN -49 | |
| 8. | HPPNK FOKUS PERTANIAN MODEN, NASIONAL, SINAR HARIAN -15 | |
| 9. | HADKAN EKSPORT IKAN PADA MUSIM TENGKUJUH, NASIONAL, SINAR HARIAN -15 | |
| 10. | 256.8KG MANGGA DIRAMPAS DI LTABPP, SINAR NEGERI PERAK/KEDAH/P.PINANG, SINAR HARIAN -31 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 11. | HPPNK 2019, SINAR, SINAR HARIAN -9 | LAIN-LAIN |
| 12. | UNTUNG LUMAYAN GUNA TEKNOLOGI DALAM PERTANIAN, BISNES, HARIAN METRO -32 | |
| 13. | JADIKAN SEKTOR PERTANIAN 'SEKSI': DAIM, BISNES, BERITA HARIAN -17 | |
| 14. | FELCRA GUNA DRON SEMBUR TANAMAN, E-TREND, SINAR HARIAN -25 | |
| 15. | HPPNK 2019, SINAR , SINAR HARIAN, 1-2 | |
| 16. | NAFAS DIDOMINASI PEMIMPIN PAN, NEGERI, HARAKAH -N28 | |
| 17. | NAFAS BELA NASIB 920,000 PETANI, NEGERI, HARAKAH -N28 | |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agriculture Minister sobs as he urges for support from farmers | | |
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 28 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 49,712 |
| Page No | A8 | Readership | 149,136 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 209 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,167 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,500 |



## 14億合約風波發酵

# 農長哽咽吁農民支持他

（新山27日讯）随着农业与农基工业部长拿督斯里沙拉胡丁阿育被指写信给首相敦马哈迪，要求以直接洽谈方式把工程合约批给农业银行及全国农民组织一事越演越烈，沙拉胡丁在"种植、养殖及渔农民大会晚宴上一度哽咽，并疾呼全体农民全力支持他。

他于周三晚出席"种植、养殖及渔农民大会晚宴时，向与会的农民喊话，要求农民全力支持他，并当他的后盾。

"如果农民认为我有做错的事，可随时写信投诉我。"

他在致辞时更一度哽咽，指自己不怎么满意过去6个月在部门的表现，但他所做的一切都是为了农民，非为个人利益。

他也承诺将深入调查每年稻米播种季节，稻种供不应求，稻农迟获发配稻种的问题，并确保明年不会再出现这些老问题。

2019年种植、养殖及渔农民大会是于11月26至28日期间在新山举行，沙拉胡丁阿育于周三晚出席大会颁奖礼时也强调，他为全体农民争取权益，农民可随时向农业部官员求助。

他也要求农业部或相关官员，或农业银行主管积极和专业处理农民的问题。

沙拉胡丁近日饱受14亿令吉合约风波的困扰。



■沙拉胡丁阿育向与会的农民喊话，要求农民全力支持他，当他的后盾。

他也说，如果他做错，农民可以不支持他。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agriculture Minister urges all farmers for support | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 28 Nov 2019 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 21 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 243 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,412 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 16,237 |



種植養殖及漁農民大會晚宴




沙拉胡丁阿育向与会的农民喊话，要求农民全力支持他，当他的后盾

## 自認做不夠好 致詞一度哽咽

# 農長吁全體農民支持

（新山27日讯）农业与农基工业部长拿督斯里沙拉胡丁阿育今晚出席"种植、养殖及渔农民大会晚宴时，一度哽咽，疾呼全体农民全力支持他

他现场向与会的农民喊话，要求农民全力支持他，当他的后盾

他说，如果农民认为他有做错的事，可随时写信投诉他

他致辞时一度哽咽，指自己不怎么满意过去6个月在部门的表现，但他所做的一切是为了农民，非为个人利益

### 承诺彻查稻种短缺问题

他现场承诺将深入调查每年稻米播种季节，稻种供不应求，稻农延迟获发配稻种的问题，并确保这老问题明年不会再出现

2019年种植、养殖及渔农民大会从11月26至28日在新山举行，沙拉胡丁阿育是于今晚出席大会颁奖礼时，这么表示

他也强调他为全体农民争取权益，农民可随时向农业部官员寻求协助

他现场要求农业部，或相关官员，或农业银行主管积极和专业处理农民的问题

沙拉胡丁近日饱受14亿令吉合约风波困扰

他也说，如果他做错，农民可以不支持他

| Headline | `Let`s make agriculture sexy` | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | The Malaysian Reserve | | |
| Date | 28 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | Corporate Malaysia | Circulation | 12,000 |
| Page No | 6 | Readership | 36,000 |
| Language | English | ArticleSize | 460 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,830 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 14,490 |



# 'Let's make agriculture sexy'

THE government's principal advisor Tun Dr Daim Zainuddin wants to spice up the agriculture industry and make it "sexy" in line with federal efforts to modernise the country's vast farming sector.

The two-time former finance minister described Malaysia's over-dependency on food imports, which hit RM50 billion last year, as a major concern and said the bill could be halved if farmers had the right mindset and received support from the government.

"What I mean by sexy is you can make money (out of it). At the end of the day, people want a decent income. If we can reduce our food imports, we can export and make an income from it.

"The Federal Land Development Authority (Felda) has about a million settlers, and all of them plant oil palm when prices have come down. Why are we forcing it?

"Our focus should be on cash crops — plants which can offer yields faster like melons, cucumbers and pineapples," Daim said at the Asian Strategy and Leadership Institute's Nation Building Conversation forum in Petaling Jaya, Selangor, yesterday.

He said the advancement of technology in creating new products such as vegan burgers have upped demand for jackfruits in the US, China and the European Union — pushing them to countries like Malaysia in search of produce.



According to Daim, the govt should focus on cash crops which offer faster yields such as pineapples

Daim said Malaysia has over 400,000ha of idle land, about half of which can be used for agriculture.

The vast majority of the country's eight million ha of agriculture land are planted with oil palm, while 1.2 million ha are planted with rubber. Agro-food makes up only 8% of total land.

In Kedah, where a third of the country's rice supply is produced, paddy can be harvested up to twice a year.

However in most states, the crop can only be harvested once a year, especially if the rainy season prolongs.

"I was against paddy cultivation because you would have to subsidise all the time," Daim said.

"We spend RM1.8 billion every year. If we continue to subsidise, we will be poor.

"I had suggested that we buy paddy fields in the US instead and let them bear the subsidies, while we produce sugar.

"Of course, we opted for rice and yet today, we are still not self-sufficient."

Malaysia's spending on food imports reached RM34.2 billion in August, official figures showed, pointing to increased dependency on food purchases.

Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub, in a recent parliamentary reply said the country's food import bill had risen by an average 6.5% per year from RM30 billion in 2010 to RM50 billion in 2018.

Most of the food came from China, India, Thailand, Indonesia and New Zealand.

Government data indicated the highest amount of import in 2018, was for cereals at RM7.1 billion, followed by coffee, cocoa, tea and spices worth RM7 billion and feedstock valued at RM5.9 billion.

High amounts of vegetables (RM4.6 billion), fish and crustaceans (RM4.1 billion), fruits (RM3.9 billion), meat (RM3.9 billion), sugar (RM3.8 billion) and dairy products (RM3.8 billion) were also brought in. The country's biggest import this year has been for coffee, cocoa, tea and spices worth RM4.3 billion. — by *ALIFAH ZAINUDDIN*

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Salahuddin : Govt to stop export of seafood products | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 28 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A4 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 832 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 10,465 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 31,396 |



## 农长：确保国内供应充足

# 农海产暂停出口

【新山27日讯】农业与农基工业部长拿督沙拉胡丁指出，为免农产及海产收成因年尾雨季受影响，政府将停止出口措施，确保国内市场供应充足及价格受到控制。

他说，涉及的农产和海产包括蔬菜、鸡只、鸡蛋和鱼虾等，政府将确保这些食品的供应量在本月至明年初期间都符合市场的需求。

### 控制供应量

"贸消部将配合在圣诞节、农历新年和开斋节等佳节期间执法，以期市场不会出现缺货现象，同时也确保价格受控，避免发生价格暴涨的情况。"

沙拉胡今日巡视2019年全国农民、畜牧及渔民日的场地布置后，在记者会上这么说。这项活动从明日起至12月1日，在新山安莎娜广场展开。

沙拉胡丁指出，在农历新年前夕，市场对鱼虾的需求将提高，所以政府必须控制供应量，才能避免价格高涨。

"若届时供不应求，除了暂停出口，政府也会入口物品，并确保价格是合理的。"



沙拉胡丁举起大型鱼只模型，向记者解说鱼类品种。

## 秘书长调职属正常程序

沙拉胡丁澄清，其部门秘书长拿督莫哈末沙列胡丁哈山被调职仅属于一般公务员的调职程序，后者并非代罪羔羊。

他说，在此次的调职程序中，也有数名公务员一同被调职，因此，沙列胡丁哈山被调离，属于正常的调职程序。

"'14亿令吉合约风波'课题不应会成为一个议题，因为我和农业部都没有收到必须配合调查工作的通知。"

## 庆典即起举行4天 放眼3千万交易额

2019年全国农民、畜牧及渔民日庆典从明日起至12月1日（星期四至日），在新山安莎娜广举行，预计可吸引50万人前往，并达成3000万令吉的交易额。

此次庆典是由农业与农基工业部举办，以便为园主、养殖业者及渔民提供推广产品的平台。

庆典为期4天，每天从上午10时至晚上10时开放民众参与，地点在安莎娜广场A草场及B草场。

今午，农业与农基工业部长拿督沙拉胡丁带领媒体巡视会场。

### 设350展摊

沙拉胡丁指出，两大展场设有至少350个展览摊位。

他补充，展场内设有13个各具特色的州属展览馆，每个展馆设计均带出独有的形象、文化、展示品和食品，让参观者对各州风情一览无遗。

"这项庆典的亮点包括举行回教金融论坛、夜间文化及艺术表演、美食区及餐车等。"

庆典设有的8大展区，分别为文化和艺术农耕舞台、机械化区、畜牧区、渔业区、鲜货销售区、食品区、部门或机构和私人展览和农基工业产品推售。



沙拉胡丁（右）巡视2019年全国农民、畜牧及渔民日庆典的工作进度。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Exploring into poultry related products | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 28 Nov 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A11 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 2702 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 33,987 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 101,961 |

[redacted]




Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/11/2019 | THE STAR | NATION | 2 |

# Minister assures sufficient supply of food this monsoon season

**JOHOR BARU:** There will be enough supply of seafood, vegetables, poultry and eggs during this monsoon season, says Datuk Seri Salahuddin Ayub.

The Agriculture and Agro-based Industries Minister said that based on previous experience, there would be a shortage of agricultural products towards the end of the year and early the following year.

"So we will ensure a sufficient supply of prawns, Chinese silver pomfret and white pomfret for Chinese New Year in January next year," he told reporters after inspecting the preparations for the National Farmers, Livestock Breeders and Fishermen Day 2019 carnival at Angsana Mall Johor Baru yesterday.

The event, which starts today until Sunday, features 350 stalls showcasing agricultural and agro-based products.

Salahuddin said they would work closely with the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry to ensure prices of fish, greens, poultry and eggs would not go up steeply during the monsoon season.

He said catch from the sea would drop from now until February due to rough sea conditions.

"It is not safe for fishermen to go out during this period," he said.

He said if necessary, the ministry would temporarily freeze the export of fish if the supply for local market showed a decline.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/11/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 49 |

# Kementerian hadkan eksport ikan

## Langkah pastikan bekalan untuk rakyat cukup sepanjang musim tengkujuh

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

**Johor Bahru:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan mengehadkan jumlah eksport ikan tertentu terutamanya kembung dan selar, sepanjang musim tengkujuh ini.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata langkah itu diambil bagi memastikan bekalan ikan sepanjang musim berkenaan iaitu antara November hingga Februari depan, mencukupi untuk kegunaan rakyat.

"Kita sudah buat persiapan. Jabatan Perikanan juga sudah hadkan beberapa jenis ikan daripada dieksport melebihi indeks tertentu seperti kembung dan selar.

"Kita akan tengok indeks (kawalan). Kita tidak akan benarkan untuk eksport (ikan) sementara waktu, tetapi kalau tidak cukup kita kena import," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas lawatan persiapan akhir sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019 di Padang A, Angsana Johor Bahru Mall di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Datuk Salim Parlan dan Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang, Azulita Salim.

Salahuddin berkata, pihaknya hanya bertanggungjawab memastikan bekalan keperluan asas untuk rakyat mencukupi, namun bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam isu berkaitan harga bekalan.

Mengenai HPPNK 2019, beliau program dwi-tahunan itu sebagai usaha MOA menyediakan platform kepada peladang, penternak dan nelayan untuk mengetengahkan hasil pertanian dan teknologi terkini, serta membuka peluang perniagaan kepada mereka yang berminat dengan sektor pertanian.

"Program bermula esok hingga Ahad ini menampilkan enam kluster aktiviti termasuk makanan dan minuman, gaya hidup, kesejahteraan, hasil pertanian, agroteknologi serta pembangunan modal insan.

"Seramai 350 usahawan terbabit sepanjang ekspo ini dengan antara 60 hingga 70 peratus adalah pembabitan usahawan muda," katanya yang mengesahkan sasaran kunjungan 500,000 orang dengan jangkaan pendapatan mencecah RM30 juta.

Mengenai kelainan penganjuran, Salahuddin berkata, kali ini agenda permodenan dalam pertanian, selain teknologi baharu akan diketengahkan dalam industri berkenaan.

"Kita mahu perkenalkan pemodenan dalam sektor pertanian dan makanan. Usaha itu menerusi aspek pengenalan pelbagai kaedah baharu seperti ladang terbuka dan akses penggunaan Internet of Things (IOT) dalam pertanian.

"Antara faktor 'wow' yang terdapat pada HPPNK tahun ini adalah 13 pavilion yang mewakili setiap negeri dengan keunikan masing-masing meliputi aspek makanan, kebudayaan dan produk.

"Semestinya tarikan yang sentiasa popular adalah bahan pertanian dan produk industri asas tani seperti anak pokok, buah-buahan dan sayuran segar," katanya.



*Salahuddin bersama Salim (kiri) dan Azulita meninjau persiapan terakhir sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019 di Johor Bahru, semalam.* (Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/11/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 15 |

# HPPNK fokus pertanian moden

## *Usaha MOA perkenal kaedah baharu dalam memajukan sektor pertanian*

SHAFIQ TINO
FOTO: ZAHID IZZANI

**JOHOR BAHRU**



Petugas sibuk melakukan persiapan akhir sempena HPPNK 2019 yang berlangsung di Johor Bahru hari ini.

Agenda pemodenan dalam pertanian adalah antara pengisian utama dan tarikan baharu penganjuran Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) tahun ini.

HPPNK yang merupakan program dwi tahunan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) akan berlangsung di Plaza Angsana Johor Bahru bermula hari ini hingga 1 Disember 2019.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, penganjuran program berkenaan merupakan usaha MOA dalam memberikan ruang kepada pengusaha dan pengendali sektor asas tani dalam mengembangkan hasil mereka.

"Kita mahu perkenalkan pemodenan dalam sektor pertanian dan makanan menggunakan pelbagai kaedah baharu seperti ladang terbuka dan akses penggunaan Internet Kebendaan (IoT) dalam pertanian.

"Berdasarkan pemerhatian pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Antarabangsa (MAHA) sebelum ini, kita lihat ada trend penerimaan golongan muda yang baik iaitu sebanyak 60 hingga 70 peratus.

"Jadi jika kita terus berusaha memajukan sektor ini dengan haluan yang lebih maju, ia akan memberi pulangan positif pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita semasa meninjau persiapan akhir HPPNK 2019 di Plaza Angsana, Johor Bahru di sini semalam.



Salahuddin ketika melihat persiapan akhir di khemah utama HPPNK 2019 di Plaza Angsana, Johor Bahru semalam.



SALAHUDDIN

Salahuddin berkata, HPPNK 2019 tahun ini meletakkan sasaran seramai 500,000 pengunjung dengan perolehan jualan hasil sebanyak RM30 juta.

Katanya, HPPNK 2019 juga akan menampilkan enam kluster aktiviti utama membabitkan makanan, gaya hidup, agenda kesejahteraan, hasil pertanian, agro teknologi dan pembangunan modal insan.

"Terdapat 13 pavilion di HPPNK 2019 yang mewakili setiap negeri dengan keunikan masing-masing. Setiap pavilion ini juga akan menampilkan tarikan istimewa daripada aspek makanan, kebudayaan dan produk.

"Semestinya tarikan yang sentiasa popular dalam kalangan pengunjung ialah bahan pertanian dan produk industri asas tani seperti anak pokok, buah-buahan dan sayuran segar," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 345 juadah popular dari setiap negeri juga akan dijual di ruangan Empayar Makanan pada program berkenaan.

"Kesemua juadah popular ini juga dilihat merupakan peluang terbaik untuk kita bantu mengetengahkan sajian warisan daripada pelbagai etnik di negara ini," katanya.

Tambahnya lagi, HPPNK 2019 juga buat julung kalinya akan menganjurkan beberapa aktiviti sahsiah dan moraliti kaum bagi merancakkan perjalanan program sepanjang empat hari itu.

"Kita akan menyiarkan secara langsung Forum Perdana Ehwal Islam yang akan berlangsung pada malam pertama program.

"Selain itu, kita juga akan mempersembahkan Malam Budaya dan Seni Tani yang akan menerapkan persembahan seperti syair, teater, sajak dan konsert artis jemputan pada malam kedua dan ketiga program," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 28/11/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 15 |

# Hadkan eksport ikan pada musim tengkujuh

JOHOR BAHRU - Jumlah eksport beberapa jenis ikan terutama yang sering mendapat permintaan tinggi akan dihadkan ketika musim tengkujuh.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, ia sebagai langkah persediaan awal bagi memastikan bekalan sumber itu sentiasa mencukupi.

"Untuk menghadapi musim tengkujuh ini, kita sudah buat persiapan. Kita difahamkan, Jabatan Perikanan juga sudah menghalang beberapa jenis ikan daripada dieksport seperti kembung dan selar.

"Kita akan tengok pada indeks (kawalan), kita tidak akan benarkan untuk eksport (ikan) sementara waktu, tetapi kalau tidak cukup, kita kena import. Kita jangkakan musim tengkujuh ini akan berlaku sehingga bulan Februari nanti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita semasa meninjau persiapan akhir Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019 di Plaza Angsana, Johor Bahru di sini semalam.

Salahuddin berkata, pihaknya juga sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi memastikan isu bekalan sedia ada tidak mudah dimanipulasi harga pasarannya.

"Sekarang ini MOA hanya kawal bekalan dan pastikan ia cukup. Harga adalah di bawah KPDNHEP, jadi kita bekerjasama untuk atasi masalah bagi isu ini.

"Kita sudah berjaya untuk perayaan sebelum ini. Nampaknya setakat ini, walaupun belum 100 peratus, tetapi pada tahap cemerlang dan yang asasnya, kita berjaya kawal (bekalan) dan harga munasabah," katanya.



Salahuddin (tengah) melihat replika ikan kerapu ketika meninjau persiapan akhir HPPNK 2019 di Plaza Angsana, Johor Bahru semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 28/11/2019 | SINAR HARIAN | SINAR NEGERI PERAK/ KEDAH/ P.PINANG | 31 |

# 256.8kg mangga dirampas di LTABPP

***Dibawa masuk pelancong asing tanpa dokumen sah***

MOHD ISKANDAR OTHMAN

GEORGETOWN



Pegawai Maqis di LTABPP menunjukkan buah mangga yang dirampas kelmarin.

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang merampas 256.8 kilogram (kg) buah mangga yang cuba dibawa masuk melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas Pulau Pinang (LTABPP) di sini kelmarin.

Pengarah Maqis Pulau Pinang, Zarina Ramli berkata, buah mangga pelbagai varieti itu dibawa masuk oleh penumpang dari negara Indonesia, Australia, Thailand dan India tanpa sebarang dokumen yang sah seperti import permit dan sijil fitosanitasi dari negara pengeksport.

Menurutnya, buah mangga merupakan antara komoditi kawalan pertanian yang berisiko dan dilarang dibawa masuk tanpa dokumen lengkap selain penumpang tidak dibenarkan membawa masuk buah berkenaan di laluan udara.

"Tujuan larangan pengimportan ini adalah bagi menghalang risiko kemasukan serangga perosak seperti kumbang pengorek buah mangga ke Malaysia yang boleh menjejaskan industri mangga negara.

"Antara varieti yang dibawa adalah mangga harumanis dari Indonesia sebanyak 171.2kg, mangga R2e2 (20kg) dari Australia, mangga waterlily dari Thailand (22.8kg) dan mangga golek dari India (42.8kg)," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Zarina berkata, keseluruhan buah mangga yang dirampas dianggarkan bernilai RM2,251.05.

Katanya, perbuatan mengimport buah mangga tanpa permit yang sah dari Maqis adalah menjadi kesalahan di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika sabit kesalahan boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) akta yang sama yang membawa maksimum denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya," katanya.




Buah mangga yang rosak dikesan cuba dibawa masuk ke negara ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/11/2019 | SINAR HARIAN | SINAR | 9 |



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 28/11/2019 | HARIAN METRO | BISNES | 32 |

# Untung lumayan guna teknologi dalam pertanian

**Petaling Jaya:** Penggunaan teknologi akan menjadikan sektor pertanian negara lebih 'seksi' dalam menjana pendapatan yang lumayan, demikian kata bekas Menteri Kewangan, Tun Dr Daim Zainuddin.

Justeru, beliau menyeru pengusaha pertanian di negara ini untuk beralih kepada kaedah pertanian ketepatan yang mampu menjana hasil pertanian tinggi di samping menjamin pengurusan kos yang lebih cekap dan berkesan.

Katanya, pertanian ketepatan akan meningkatkan hasil pertanian, sekali gus meningkatkan keupayaan dan daya saing pengusaha pertanian di negara ini.

"Dengan menjadikan pertanian 'seksi' (dalam erti kata menjana pendapatan yang lumayan), akan menarik ramai orang menceburinya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi Perbualan Bangunkan Negara bersama Tun Dr Daim Zainuddin dengan tema Kemiskinan di Malaysia: Realiti vs Persepsi yang dianjurkan Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (Asli) di sini, semalam.



GENERASI muda boleh jana hasil dalam tempoh singkat.

Hadir sama, Pengerusi Asli, Tan Sri Dr Jeffrey Cheah dan Ketua Pegawai Eksekutif Asli, Melissa Ong.

Daim juga menggalakkan generasi muda untuk terbabit dalam pertanian terutama dalam tanaman yang boleh menjana hasil dalam tempoh singkat seperti penanaman cili, timun dan kacang bendi.

Beliau berkata, kelapa juga dilihat tanaman masa depan yang berpotensi besar menjana pendapatan lumayan berikutan permintaannya yang tinggi.

Selain itu, Daim juga mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan agensi khas bagi memantau dan menjayakan pengembangan aktiviti pertanian di negara ini.

Beliau berkata, penubuhan agensi khas itu bertujuan memastikan rancangan berkaitan pertanian dilaksanakan dengan lancar dan mencapai matlamat seperti yang disasarkan.

Katanya, agensi khas pertanian itu akan bertindak sebagai pusat sehenti dalam menyelesaikan isu yang dihadapi pengusaha pertanian seperti tanah, buruh dan pinjaman berkaitan pertanian.

"Saya sudah menulis surat cadangan penubuhan agensi khas ini kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad. Sama ada suka atau tidak, pertanian akan mewujudkan pekerjaan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/11/2019 | BERITA HARIAN | BISNES | 17 |

# Jadikan sektor pertanian 'seksi': Daim



## Menggunakan kaedah pertanian ketepatan jana pendapatan lumayan

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

**Penggunaan** teknologi akan menjadikan sektor pertanian negara lebih 'seksi' dalam menjana pendapatan yang lumayan, demikian kata bekas Menteri Kewangan, Tun Dr Daim Zainuddin.

Justeru, beliau menggesa pengusaha pertanian di negara ini segera beralih kepada kaedah pertanian ketepatan, yang mampu menjana hasil pertanian lebih tinggi di samping menjamin pengurusan kos lebih cekap dan berkesan.

Katanya, pertanian ketepatan bukan sahaja meningkatkan hasil pertanian, tetapi turut meningkatkan keupayaan dan daya saing pengusaha pertanian di negara ini.

"Dengan menjadikan pertanian 'seksi' (dalam erti kata menjana pendapatan lumayan), akan menarik ramai orang menceburinya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi 'Perbualan Bangunkan Negara bersama Tun Dr Daim Zainuddin' dengan tema 'Kemiskinan di Malaysia: Realiti vs Persepsi' yang dianjurkan Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (ASLI) di Petaling Jaya, semalam.

Hadir sama, Pengerusi ASLI, Tan Sri Dr Jeffrey Cheah dan Ketua Pegawai Eksekutif ASLI, Melissa Ong.

Daim juga menggalakkan generasi muda terbabit dalam pertanian terutama dalam tanaman yang boleh menjana hasil dalam tempoh singkat seperti penanaman cili, timun dan kacang bendi.

Beliau berkata, kelapa juga dilihat tanaman masa hadapan yang berpotensi besar menjana pendapatan lumayan berikutan permintaannya yang tinggi.

Selain itu, Daim turut mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan agensi khas bagi memantau dan menjayakan pengembangan aktiviti pertanian di negara ini.

Beliau berkata, penubuhan agensi khas itu bertujuan memastikan rancangan berkaitan pertanian dilaksanakan dengan lancar dan mencapai matlamat seperti yang disasarkan.

Katanya, agensi khas pertanian itu akan bertindak sebagai pusat sehenti dalam menyelesaikan isu yang dihadapi pengusaha pertanian seperti tanah, buruh dan pinjaman berkaitan pertanian.

"Saya sudah menulis surat cadangan penubuhan agensi khas ini kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad. Sama ada suka atau tidak, pertanian akan mewujudkan pekerjaan," katanya.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 28/11/2019 | SINAR HARIAN | E-TREND | 25 |



DRON MATA Aerotech, Alpas II digunakan untuk kerja penyemburan *input* pertanian di kawasan estet padi Felcra.

# Felcra guna dron sembur tanaman

**KAWASAN** estet padi Felcra Seberang Perak melakarkan sejarah tersendiri apabila menjadi yang pertama menggunakan teknologi dron berskala besar untuk kerja penyemburan input pertanian.

Sejajar dengan aspirasi Felcra Berhad untuk merintis Model Pertanian Pintar, MATA Aerotech dilantik bagi melaksanakan perkhidmatan penyemburan tanaman padi menggunakan teknologi itu bermula hujung bulan ini.

Merujuk satu kenyataan, penyemburan pertanian menggunakan teknologi dron lebih seragam akan menjurus kepada pengurangan pembaziran bahan semburan selain mengehad tenaga kerja manusia dan alam sekitar.

"MATA Aerotech bersama Felcra akan menggunakan teknologi dron dan AI untuk melaksanakan analisa data pengawasan pertumbuhan serta kesihatan tanaman padi.

"Analisa data lebih cepat dan tepat mampu membantu Felcra menambah baik pengurusan serta operasi estet padi ke arah *Precision Agriculture* selain mengangkat agensi kerajaan itu sebagai peneraju Model Pertanian Pintar yang berteraskan IR 4.0," katanya.

MoU tersebut menggariskan tiga aspek kerjasama utama iaitu penggunaan teknologi dron robotik untuk pengurusan dan operasi perladangan Felcra, peneraju aktiviti penyelidikan serta pembangunan (R&D) bagi meningkatkan inovasi sektor pertanian selain pembangunan modal insan.

Pelantikan MATA Aerotech itu akan menggunakan teknologi dron bagi kerja penyemburan pertanian tanaman padi seluas 1,557 hektar estet padi Felcra Seberang Perak.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/11/2019 | SINAR HARIAN | SINAR | 1-2 |



# Sinar harian

TELUS & TULUS

HPPNK HARI INI

| TARIKH | WAKTU | LOKASI |
|---|---|---|
| 28 NOVEMBER HINGGA 1 DISEMBER | 10 PAGI HINGGA 10 MLM | PADANG A & B angsana Johor Bahru Mall |

KHAMIS | 28 NOVEMBER 2019 | 1 RABIULAKHIR 1441H | BIL: 4820 | PP11200/02/2013 (031412) sinarharian.com.my SinarOnline SinarHarian Sinar.tv sinarharian RM1.20

HPPNK 2019

HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN

*Ia kembali lagi... Lebih Hebat & Meriah!*

@hppnk2019 #hppnk2019 #makananankitamasadepankita HPPNK 2019

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 28/11/2019 | SINAR HARIAN | SINAR | 1-2 |



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/11/2019 | HARAKAH | NEGERI | N28 |

# NAFAS didominasi pemimpin PAN

Oleh SARINA ISMAIL

**ALOR SETAR:** Isu tempahan bilik hotel atas nama Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) ketika kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) di Tanjung Piai membuktikan Pakatan Harapan (PH) cakap tidak serupa bikin.

Ketua Dewan Pemuda PAS Kedah, Ustaz Nurul Amin Abdul Hamid berkata, NAFAS yang didominasi pemimpin Parti Amanah Nasional (PAN) difahamkan memakai pakaian oren sepanjang tempoh berkempen di Tanjung Piai.

"Ini membuktikan PH tidak beramanah menguruskan hak-hak rakyat. Malah pemimpin mereka masih membisu berhubung isu berkenaan.



Ustaz Nurul Amin Abdul Hamid.

"Tidak wajar mereka menggunakan hak-hak rakyat berkempen bagi pihak PH," katanya di sini.

Baru-baru ini Presiden MCA Dato' Seri Dr Wee Ka Siong dilapor mendakwa NAFAS membuat sewaan hotel di Pontian antara 15 Oktober hingga 15 November.



Salahuddin Ayub menyerah surat lantikan ahli lembaga Lembaga Pertubuhan Peladang kepada Mazlan Aliman.

Malah ahli parlimen Tanjung Karang Tan Sri Noh Omar pula mendakwa sewaan hotel berkenaan bagi menempatkan petugas PAN bagi tempoh berkempen PRK Tanjung Piai.

Bagaimanapun Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Dato' Seri Salahuddin Ayub menafikan NAFAS memperuntukkan sejumlah dana untuk sewaan hotel bagi tujuan kempen PRK Tanjung Piai.




Info daripada FB pemimpin PAN yang dilantik ahli lembaga NAFAS.

Namun menurutnya NAFAS hanya membuat sewaan 38 bilik hotel sehingga 30 atau 31 Oktober bagi tujuan 'roadshow' sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan 2019.

Nurul Amin juga berkata, pendedahan dibuat ahli Parlimen BN mengheret PAN terhadap isu NAFAS.

"Parti tersebut sudah lama menyusun lantikan politik sehingga melanggar dua prinsip asas PH iaitu tiada lantikan politik dalam agensi kerajaan.

"Pemimpin PAN elok menilai kembali apakah tindakan tersebut selaras dengan slogan Rahmatan Lil Alamin," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 28/11/2019 | HARAKAH | NEGERI | N28 |

# NAFAS bela nasib 920,000 petani

**ALOR SETAR:** Tindakan Kementerian Pertanian memberi tender secara runding terus bagi membekalkan baja subsidi kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dianggap wajar.

Timbalan Pesuruhjaya PAS Kedah Muhammad Sanusi Mohd Nor berkata, sekiranya projek membekalkan baja subsidi tidak diperolehi NAFAS dibimbangi menjejaskan operasi kilang.

Katanya tanpa tender tersebut boleh menyebabkan berlaku pemberhentian pekerja dan menjejaskan pendapatan ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN).

"Kami melahirkan pendiriannya bersetuju dan mempertahankan tindakan kerajaan memberi projek membekal baja subsidi kepada NAFAS secara 'direct nego'.



Muhammad Sanusi Md Nor

"NAFAS memikul tanggungjawab dan fungsi yang melangkaui operasi perniagaan membekalkan baja semata-mata," katanya di sini.

Baru-baru ini Presiden MCA, Dato' Seri Dr Wee Ka Siong mendakwa tiga kontrak bernilai lebih RM1 bilion dibatalkan selepas Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mahu menganugerah projek kepada NAFAS secara rundingan terus.

Ia dipercayai membabitkan pembekalan input pertanian sektor padi bernilai RM1.4 bilion serta membekal, penghantaran dan kerja pengkapuran melibatkan kontrak bernilai RM54.28 juta.

Sanusi yang juga Adun Jeneri berkata, NAFAS memiliki kilang baja di Gurun usahasama antara PPN, PPK, ahli-ahli Peladang dan Petronas Fertilizar Sdn Bhd.

"NAFAS memiliki pengalaman 22 tahun dalam industri berkaitan dan ia ditubuh untuk membantu 920,000 petani dan pesawah melalui PPN serta PPK.

"Direct nego berlangsung sejak dahulu lagi," katanya. Sebaliknya beliau berkata, syarikat yang diberi kontrak pembekalan baja tidak mempunyai 920,000 petani di belakangnya.

Menurutnya juga disebabkan Kerajaan Pakatan Harapan (PH) mengamalkan dasar tender terbuka, maka segala yang melibatkan projek kerajaan perlu melalui proses sedemikian.

Kata beliau juga selepas isu tersebut digegerkan kerajaan PH membuat 'u-turn' lagi.




Wee Ka Siong